

09/12/1997

Mengatasi kegawatan ekonomi Asia

Khaidir Abdul Majid

SEPERTI biasa, mesyuarat tahunan pemimpin Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik atau Apec di Vancouver, Kanada baru-baru ini mencetuskan pelbagai analisis dan komentar media Barat dan Asia. Jika dilihat dari segi hujah, media Barat rata-rata lebih cenderung memberi 'kata nasihat' kepada negara Asia supaya meniru amalan pengurusan ekonomi 'berhemat' Barat jika mahu selamat daripada masalah ketidakstabilan mata wang sekarang. Media Asia pula lebih tertumpu kepada usaha yang dibincangkan bagi menangani masalah.

Ketika memberi analisis mengenai masalah kewangan beberapa negara anggota Apec ini, isu yang menjadi sebab utama penubuhan Apec, seperti langkah pembukaan pasaran banyak diketepikan, walaupun mesyuarat kali ini berupaya mengorak langkah untuk mencapai matlamatnya bagi mewujudkan kawasan perdagangan dan pelaburan bebas di Asia Pasifik menjelang 2010 bagi negara maju dan 2020 bagi negara membangun.

Namun, tumpuan kepada masalah kewangan yang dihadapi sekarang tidak dapat dielakkan. Malahan, mesyuarat sehari pemimpin Apec di University of British Columbia di Vancouver itu lebih menumpukan perbincangan - seluruh sesi pagi dan sebahagian sesi tengah hari - kepada masalah kewangan itu.

Masalah kewangan, yang menyebabkan tiga negara iaitu Thailand, Indonesia dan Korea Selatan, meminta bantuan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF), juga mempunyai implikasi besar kepada masa depan forum 18 negara itu. Akhbar Britain, The Independent membincangkan implikasi itu dalam satu rencana baru-baru ini:

"Lima tahun lalu, Bill Clinton muncul sebagai Presiden Amerika Syarikat pertama untuk menghadiri mesyuarat tahunan 18 ekonomi yang secara kumpulan dipanggil Apec - Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik. Panggilan ekonomi dan bukan negara disengajakan kerana ia dapat mengelak bantahan China jika istilah negara digunakan untuk Taiwan. Ia juga dapat mengelak kekeliruan terhadap status Hong Kong yang kini kembali kepada pemerintahan China.

"Namun, istilah itu juga menonjolkan tumpuan Apec kepada ekonomi dan bukan politik. Berbeza dengan Kesatuan Eropah, Apec yang ditubuhkan pada 1989 tidak mempunyai matlamat politik jangka panjang tetapi setia berpegang kepada hasratnya menggalakkan kerjasama ekonomi. Bagaimanapun, kini, ekonomi mungkin menyumbang kepada keruntuhannya.

"Tahun ini, secara kebetulan, 'sidang kemuncak' Apec diadakan di Vancouver, tempat Presiden Clinton mengisytiharkan Amerika sebagai kuasa Pasifik dan pemimpin semula jadi rantau itu. Bagaimanapun, ketika itu suasana berbeza. Clinton ketika itu begitu ghairah dengan apa yang digelar 'Abad Pasifik', dengan kecergasan negara Asia menghembus nafas baru kepada ekonomi dunia, nafas kemewahan. Segala-galanya kali ini sudah berubah. Baru-baru ini, Setiausaha Negaranya, Madeleine Albright merumuskan suasana baru yang dihadapi sekarang dengan menyatakan kebimbangan 'keajaiban Asia' mungkin ghaib menjadi 'keruntuhan Asia.'"

Bagaimanapun, keruntuhan itu mungkin dapat dielakkan. Amerika sudah menunjukkan kesanggupannya membantu menyusun bantuan IMF bagi menyelamatkan ekonomi seperti Indonesia dan Korea Selatan. Dalam pada itu, di sebalik usaha itu, Amerika dikatakan mempunyai agenda lain. Amerika dikatakan berbuat demikian untuk memaksa negara terbabit menyusun semula struktur ekonomi dan kewangan masing-masing supaya sesuai dengan selera.

Mesyuarat pemimpin Apec minggu lalu menyaksikan keretakan dalam forum itu yang mungkin menghalang matlamat Washington menyaksikan rejim ekonomi Amerika diamalkan di seluruh Pasifik. Matlamat Amerika untuk menerajui

Apec dicabar oleh gesaan beberapa negara Asia supaya forum itu menerima identiti khas mereka yang menyangkal konsep Asia Pasifik adalah satu entiti dari segi geografi dan ekonomi.

Presiden Clinton pergi ke Vancouver untuk bersyarah mengenai jalan keluar daripada masalah kewangan sekarang - membuka pasaran dan mengamalkan pengurusan ekonomi yang kukuh. Namun beliau menghadapi dua halangan. Pertama tidak semua negara Apec menerima perubahan struktur yang dikaitkan dengan bantuan IMF. Beberapa daripada negara ini mencadangkan satu 'penyelesaian Asia' yang lebih anjal.

Walaupun Amerika berupaya memastikan cadangan Asia itu tidak diambil pakai, reputasi Clinton sebagai pejuang pasaran bebas dan pembela keutuhan IMF turut tercemar. Kelayakannya tergugat apabila Kongres Amerika enggan memberi kuasa 'pembukaan segera pasaran' kepadanya dalam merunding perjanjian perdagangan antarabangsa. Dalam usahanya untuk membantu Asia meminta bantuan IMF, Amerika enggan membayar AS\$3.5 bilion (RM12.6 bilion) kepada tabung itu.

Lebih teruk, negara yang mengalami masalah ekonomi besar - Thailand, Indonesia, Filipina dan Korea Selatan - mengikuti model Amerika paling rapi dan menambat mata wang masing-masing kepada dolar. China, negara yang amalan ekonominya tidak menyamai Amerika, tidak terjejas dengan masalah ekonomi yang dihadapi negara jirannya.

Kemerosotan negara yang berorientasikan amalan ekonomi Amerika itu mungkin mengurangkan bukan saja pengaruh mereka di rantau ini malah pengaruh Amerika sendiri. Jika ekonomi Amerika terus meningkat, ia boleh menyusun semula pelaburannya di Asia dengan mengambil kesempatan terhadap kejatuhan daya saing Korea Selatan dan Jepun. Bagaimanapun, langkah itu membawa risiko seperti memaksa Amerika menyusun semula keutamaan ketenteraannya di rantau ini. Ia juga mungkin menjauhkan lagi jarak perbezaan dari segi politik, ekonomi dan geografi di antara Amerika Utara, Amerika Selatan dan Asia - sebab utama konsep Lembangan Pasifik diwujudkan.

Tidak kurang rumitnya kepada Amerika ialah persoalan yang dibangkitkan negara 'Harimau Ekonomi Asia' mengenai kapitalisme pasaran terbuka dan pengurusan ekonomi ala-Barat. Korea dan Thailand menegaskan masalah melanda negaranya berpunca daripada sektor swasta tidak berdisiplin, meminjam terlalu banyak daripada institusi kewangan berpendedahan terlampau tinggi.

Bagaimanapun, bagi sektor swasta, pengambilan risiko sebenarnya bertolak daripada orientasi pasaran terbuka. Jika kesimpulan mengenainya dibuat, rungutan Korea Selatan dan negara yang berada dalam kedudukan sama menjurus kepada pendirian lantang Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika di Vancouver.

Dr Mahathir yang memang terkenal dengan pendirian tegasnya berhubung 'nilai Asia' - masyarakat Asia lebih cenderung memilih pendekatan mendapatkan kestabilan menerusi sokongan kerajaan jauh lebih baik daripada hak asasi yang diutamakan di Barat - berkata kepada pemimpin perniagaan Apec selepas keruntuhan komunis, pengaruh ayunan kuasa pasaran mungkin lebih hebat sehingga menjadikannya objek kepercayaan apa saja yang dibuat atas namanya tidak boleh dipersoalkan.

Meneruskan perjuangan yang dilancarkan selepas Malaysia dilanda kegawatan akibat spekulator, beliau mencadangkan satu mekanisme kawal selia yang ketat bagi pemindahan dana rentas sempadan diwujudkan menerusi perkongsian pintar di antara kerajaan dan sektor swasta. Dalam episod yang semakin mendapat perhatian kerana ia juga menjurus kepada tindakan susulan terhadap bantahan Eropah terhadap apa yang diistilahkan 'perayaan kemenangan Amerika' ketika Sidang Kemuncak Negara G-7 musim panas lalu, Dr Mahathir mengkritik penderitaan akibat penurunan nilai mata wang adalah

jauh lebih perit berbanding disebabkan rasuah dan kemiskinan.

Membidas kuasa ghaflah pasaran, beliau berkata: "Seperti sesebuah kerajaan yang boleh menjadi korup apabila melabur dengan kuasa mutlak, pasaran juga boleh korup apabila mereka mula mempunyai kuasa mutlak seperti kerajaan. Hari ini, kita melihat bahawa kuasa mutlak itu dalam bentuk penderitaan dan kemiskinan berjuta orang, akhirnya membawa kepada perhambaan."

(END)